

Perang psikologi lawan kempen pembangkang

BH-7/1/2007

Pemuda pastikan BN kekal kerusi DUN Batu Talam: Khairy

Oleh Rosli Abdul Jalil

RAUB: Pemuda Umno akan melancarkan perang psikologi bagi menghadapi kempen pembangkang pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam pada 28 Januari depan.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin, berkata strategi itu bagi menghadapi perang psikologi yang sudah dimulakan pembangkang.

"Berdasarkan risikan, pembangkang menghebahkan kepada rakyat bahawa cabaran mereka pada pilihan raya kecil ini adalah semata-mata untuk mengurangkan majoriti BN dalam DUN Pahang.

"Ia adalah perang psikologi supaya kita memandang remeh pilihan raya ini.

"Sebaliknya, kita pula bukan sekadar mahu menang atau mengekal-

kan DUN Batu Talam, tetapi memastikan BN mendapat majoriti lebih besar," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis penyerahan bendera BN kepada Pergerakan Pemuda BN di Dewan Datuk Seri Adnan Yaakob di Felda Tersang 1, dekat sini semalam.

Turut hadir Ketua Umno Raub, Datuk Shahiruddin Ab Moin dan Ketua Pemuda Umno Pahang, Khairuddin Yaakob yang juga Exco Pemuda Umno.

Khairy yang juga Pengarah Operasi Pemuda Pilihan Raya Kecil DUN Batu Talam berkata pengundi perlu membuat pemilihan tepat memilih Umno yang mempunyai rekod cemerlang berbanding pembangkang yang tidak pernah memerintah di sini.

"Tidak kira siapa calon, sebaliknya yang penting ialah rakyat sudah tahu bahawa BN adalah parti yang ce-

merlang rekodnya.

"Adakah kita akan menggadaikan masa depan anak dengan memilih parti pembangkang yang belum ada rekod," katanya.

Khairy berkata, fokus kedua ialah

FAKTA NOMBOR

DUN Batu Talam

10,525

Pengundi

27%

Usia 21 hingga 40 tahun

kepada golongan muda dengan meyakinkan mereka keluar mengundi.

"Saya yakin golongan muda menyokong BN dan inilah sebenarnya masa paling penting untuk mereka menyokong calon BN bagi memastikan BN memenuhi tempoh pemerintahan," katanya.

Beliau berkata, 27 peratus daripada lebih 10,000 pengundi berdaftar bagi DUN Batu Talam ialah golongan pemuda berusia antara 21 dan 40 tahun.

Katanya, selain jentera Pemuda peringkat bahagian, beliau akan memastikan tidak kurang 1,000 Pemuda pusat berada di sini bagi membantu jentera BN.

Katanya, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein akan ke Batu Talam pada 13 Januari bagi melancarkan secara rasmi jentera pilihan raya Pemuda.